

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Jabatan Keselamatan
Sent: Wednesday, 19 April, 2017 11:49 AM
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup
Subject: PROGRAM PEMERIKSAAN KESIHATAN JABATAN KESELAMATAN



Jabatan Keselamatan
SECURITY DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia



“MUAFAKAT KEDAH”

19 APRIL 2017 / 22 REJAB 1438H

=====

PROGRAM PEMERIKSAAN KESIHATAN JABATAN KESELAMATAN



KESL ONLINE: Jabatan Keselamatan dengan kerjasama Pusat Kesihatan Universiti (PKU) telah berjaya mengadakan program Profail Kesihatan khas untuk Jabatan Keselamatan yang merangkumi 115 orang staf pentadbiran dan anggota keselamatan. Program ini telah diadakan pada 17/4/2017 hingga 18/4/2017 bertempat di Bilik Mesyuarat Jabatan Keselamatan. Seramai 51 orang yang disasarkan pada peringkat pertama telah menjalani pemeriksaan profail dengan jayanya.

Seterusnya program akan dijalankan untuk kumpulan kedua pada 30/4/2017 dan kumpulan ketiga pada 14/5/2017 bertempat di Pusat Kesihatan Universiti (PKU) dengan sasaran anggota keselamatan berjumlah 64 orang.

Pengarah Keselamatan, Yang Berusaha DSP/KS Mohd Zulkifli Mohd Noor menyatakan program yang dijalankan adalah bagi memenuhi Pelan Strategik 5 Universiti iaitu menyediakan persekitaran kerja yang kondusif dengan mengambilkira ukuran bilangan aktiviti yang dijalankan bagi meningkatkan kesedaran berkaitan keselamatan dan kesihatan staf.

Beliau turut menegaskan program ini amat penting bagi anggota Jabatan ini memandangkan mereka bertugas 24 jam mengikut 3 shift yang boleh mempengaruhi tahap kesihatan yang tidak sihat sekiranya tidak diberi perhatian. Tahap kesihatan yang rendah boleh mempengaruhi tahap produktiviti dan meningkatkan kos perubatan universiti amnya.

Beliau mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengarah Pusat Kesihatan Universti (PKU) Yang Berusaha Dr. Wan Zarina Wan Mahmud diatas kerjasama yang diberikan bagi menjayakan program tersebut.

Program ini turut dihadiri oleh semua pegawai-pegawai kanan dan anggota keselamatan Jabatan Keselamatan.

"KESELAMATAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

JABATAN KESELAMATAN

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Telefon : 04-928 3333 / 2416

Fax : 04-928 2424

E-Mel : security@uum.edu.my



Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.